



Good food, Good life

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <b><u>Peraduan:</u></b>	PERADUAN CUTI-CUTI RAYA DENGAN DEAR NESTLÉ.
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi ini bermula jam 00:00:00 pada 17/03/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 18/05/2023.
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	<ol style="list-style-type: none"><li>Promosi ini merupakan program perekrutan ahli Dear Nestlé baharu dan terbuka kepada penduduk sah di Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Peserta mesti <b>mendaftar sebagai ahli BAHARU Dear Nestlé</b> di Laman Web Promosi semasa Tempoh Promosi.</li><li>Pendaftaran mesti dihantar di Borang Pendaftaran Laman Web Promosi di: <a href="https://registration.nestle.com.my/cuti-cuti-raya-2023-DN">https://registration.nestle.com.my/cuti-cuti-raya-2023-DN</a> (“Borang Pendaftaran Laman Web Promosi”). Penganjur berhak meminta bukti dokumen pengenalan diri.</li><li>Promosi ini hanya layak kepada ahli BAHARU Dear Nestlé yang mendaftar di Borang Pendaftaran Laman Web Promosi di URL di atas sahaja.</li></ol>
5. <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<p><u>Penyerahan penyertaan melalui Borang Pendaftaran Laman Web Promosi:</u></p> <ol style="list-style-type: none"><li><u>TIADA PEMBELIAN</u> diperlukan untuk menyertai Promosi. Untuk menyertai dan berpeluang memenangi hadiah, anda mesti mendaftar sebagai Ahli Nestlé Dear BAHARU melalui Borang Pendaftaran Laman Web Promosi di: <a href="https://registration.nestle.com.my/cuti-cuti-raya-2023-DN">https://registration.nestle.com.my/cuti-cuti-raya-2023-DN</a>.</li><li>Lengkapkan semua butiran mandatori yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Borang Pendaftaran Laman Web Promosi dan klik "Hantar".</li><li><b>Setiap Peserta hanya boleh mendaftar sekali sebagai Ahli Dear dan setiap Ahli Dear Nestlé BAHARU unik yang mendaftar melalui Borang Pendaftaran Laman Web Promosi HANYA layak untuk satu [1] penyerahan Penyertaan sahaja.</b> Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan pendua yang diterima.</li></ol>

	<p>d. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk diproses selanjutnya. Butiran peribadi Peserta yang tidak lengkap, tidak sah dan/atau pendua akan dibatalkan kelayakannya.</p> <p>e. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri. Kegagalan untuk mengemukakan atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pelucutan hadiah.</p>										
6. <u><b>Tarikh Tutup Penyertaan:</b></u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 18/05/2023. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.										
7. <u><b>Hadiah Mingguan:</b></u>	<p>a. Terdapat dua puluh dua [22] Hadiah Mingguan berupa satu [1] PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM50 setiap minggu selama sembilan [9] minggu berturut-turut.</p> <p>b. Terdapat sejumlah seratus sembilan puluh lapan [198] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>c. Sembilan [9] tempoh minggu adalah seperti di bawah:</p> <table> <tbody> <tr> <td>Minggu 1: 17/03/2023 – 23/03/2023</td> <td>Minggu 2: 24/03/2023 – 30/03/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 31/03/2023 – 06/04/2023</td> <td>Minggu 4: 07/04/2023 – 13/04/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 14/04/2023 – 20/04/2023</td> <td>Minggu 6: 21/04/2023 – 27/04/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 28/04/2023 – 04/05/2023</td> <td>Minggu 8: 05/05/2023 – 11/05/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 9: 12/05/2023 – 18/05/2023</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Minggu 1: 17/03/2023 – 23/03/2023	Minggu 2: 24/03/2023 – 30/03/2023	Minggu 3: 31/03/2023 – 06/04/2023	Minggu 4: 07/04/2023 – 13/04/2023	Minggu 5: 14/04/2023 – 20/04/2023	Minggu 6: 21/04/2023 – 27/04/2023	Minggu 7: 28/04/2023 – 04/05/2023	Minggu 8: 05/05/2023 – 11/05/2023	Minggu 9: 12/05/2023 – 18/05/2023	
Minggu 1: 17/03/2023 – 23/03/2023	Minggu 2: 24/03/2023 – 30/03/2023										
Minggu 3: 31/03/2023 – 06/04/2023	Minggu 4: 07/04/2023 – 13/04/2023										
Minggu 5: 14/04/2023 – 20/04/2023	Minggu 6: 21/04/2023 – 27/04/2023										
Minggu 7: 28/04/2023 – 04/05/2023	Minggu 8: 05/05/2023 – 11/05/2023										
Minggu 9: 12/05/2023 – 18/05/2023											
8. <u><b>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan:</b></u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan mengikut tarikh dan masa diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan untuk Minggu 1 ialah <u>2201</u>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan mingguan dua puluh dua [22] Finalis Hadiah Mingguan: 2201 ÷ 22 = 100.05.</b> Oleh sebab pembahagian 2201 dengan 22 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 100.05 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>100</u>. 22 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 100*, 200*, 300*, 400, 500, 600, 700 dan seterusnya [*contoh pengiraan: <u>100</u>, 100+100=<u>200</u>, 200+100=<u>300</u>].</p>										

9. <u><b>Hadiah Utama:</b></u>	<p>a. Terdapat sejumlah tiga [3] Hadiah Utama untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi. Hadiah Utama adalah seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Satu [1] Hadiah Utama berupa Pakej Percutian 3H2M untuk 4 orang ke Lombok, Indonesia bernilai RM13,200.00. Tarikh perjalanan adalah dari 01/07/2023 hingga 31/12/2023.</li> <li>ii. Satu [1] Hadiah Pertama berupa Pakej Percutian 3H2M untuk 4 orang ke Kundasang, Sabah bernilai RM13,200.00. Tarikh perjalanan adalah dari 01/07/2023 hingga 31/12/2023.</li> <li>iii. Satu [1] Hadiah Kedua berupa Pakej Percutian 3H2M untuk 4 orang ke Club Med Cherating, Pahang bernilai RM8,640.00. Tarikh perjalanan adalah dari 01/07/2023 hingga 03/11/2023. Pakej Percutian Hadiah Kedua tidak termasuk pengangkutan.</li> </ul> <p>b. Hari perjalanan untuk Hadiah Utama hanya boleh digunakan dari Ahad hingga Khamis. Tiada tempahan boleh dibuat pada hari Jumaat hingga Ahad, pada Cuti Umum dan Hari Sebelum Cuti Umum.</p>
10. <u><b>Maklumat Pengadilan – Hadiah Utama:</b></u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak yang dikumpul dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi akan diperuntukkan secara berasingan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Di akhir Tempoh Promosi, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak diterima ialah <u>15757</u>, Penganjur akan mengira dan memilih Finalis berdasarkan cara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. <b>Pemilihan tiga [3] Finalis Hadiah Utama:</b> <math>15757 \div 3 = 5252.3</math>. Oleh sebab pembahagian 15757 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 5252.3 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>5252</u>. 3 Finalis dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih:            Hadiah Utama – 5252*;            Hadiah Pertama – 10504*; dan            Hadiah Kedua – 15756*            [*contoh pengiraan: <u>5252</u>, <math>5252+5252=\underline{10504}</math>, <math>10504+5252=\underline{15756}</math>].</li> </ul>
11. <u><b>Termasuk Tambahan:</b></u>	<p>b. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp melalui Nombor WhatsApp Rasmu Peraduan: <b>6018 322 1788</b> ke nombor mudah alih Finalis yang telah diserahkan dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah.</p>

	<p>Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>c. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. satu [1] Hadiah Mingguan, dan</li> <li>ii. satu [1] Hadiah Utama sahaja.</li> </ul> </li> <li>d. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah.</li> <li>e. Hadiah Utama akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur.</li> <li>f. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar Hadiah Mingguan kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet kepada Pemenang melalui WhatsApp daripada Nombor WhatsApp Rasmi Peraduan: <b>6018 322 1788</b> ke nombor telefon bimbit Pemenang yang telah diserahkan dalam Penyertaan Layak dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</li> <li>g. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah. Berikut adalah terma dan syarat vendor Hadiah Peraduan:           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go tertakluk pada Terma &amp; Syarat Touch'n Go Malaysia (TNG Digital Sdn Bhd);  <a href="https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf">https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf</a> </li> <li>h. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</li> <li>i. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang dilampirkan, jika ada.</li> <li>j. Pengumuman Pemenang akan dipaparkan dalam masa 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Peraduan di laman web Penganjur di:  <a href="https://registration.nestle.com.my/cuti-cutি-raya-2023-DN">https://registration.nestle.com.my/cuti-cutি-raya-2023-DN</a>.           </li> </ul> </li> </ul>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat yang boleh didapati di: <https://registration.nestle.com.my/cuti-cutি-raya-2023-DN> secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").

Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi**.

Talian Percuma Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

---

## B. Syarat-syarat Penyertaan

### 1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

### 2. Penyertaan Kempen

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab

terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

### **3. Kelayakan**

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pengajur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Pengajur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

### **4. Tidak layak**

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Kakitangan Pengajur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Pengajur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

### **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:
  - (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Pengajur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
  - (a) menjaskan, telah atau cuba menjaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Pengajur.

- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

## 6. **Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barang yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan sedia ada." Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisyiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## 7. **Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barang atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

#### **8. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

#### **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat.

#### **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

#### **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma

dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjelaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemrosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).